


SMK KUALA KUBU BHARU
UJIAN PENCAPAIAN OGOS 2021
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 4
MASA : 1 JAM 20 MINIT

NAMA :

KELAS :

BAHAGIAN A : OBJEKTIF [50 markah]

1. Rajah berikut menunjukkan sebahagian daripada kitaran perakaunan.



Apakah X ?

- | | |
|------------------------|---------------------|
| A Lejar | C Pelarasan |
| B Buku Catatan Pertama | D Catatan Penutupan |
2. Ciri kualitatif tertingkat Penyata Kewangan terdiri daripada
- I Pemasaan
 - II Kerelevanan
 - III Perwakilan benar
 - IV Kebolehfahaman
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
3. Pada tahun kewangan 2019, Kedai Kasut Sepatu masih merekod komputer pejabat pada harga belian iaitu RM3 500 walaupun harga pasaran ialah RM1 600. Apakah prinsip perakaunan yang terlibat?
- | | |
|---------------|-----------------------|
| A Ketekalan | C Tempoh Perakaunan |
| B Prinsip Kos | D Wang Sebagai Ukuran |
4. Antara yang berikut, ciri yang manakah berkaitan dengan Klinik Faiz dan Fariz?
- I Liabiliti terhad
 - II Modal disumbangkan oleh pekongsi
 - III Keuntungan diagihkan mengikut syarat pembahagian yang dipersetujui
 - IV Didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
5. Manakah antara berikut merupakan butiran Aset Semasa?
- A Tunai, Akaun Belum Terima, Kadar Bayaran dan Inventori
 - B Inventori, Overdraif Bank, Tunai dan Akaun Belum Bayar
 - C Mesin, Inventori, Akaun Belum Terima dan Bank
 - D Akaun Belum Terima, Bank, Inventori dan Tunai

6. Butiran manakah yang digunakan untuk mengira Kos Jualan?

- I Belian, Pulangan Masuk, Inventori Awal
- II Jualan, Inventori Akhir, Angkutan Keluar
- III Belian, Inventori Awal, Angkutan Masuk
- IV Inventori Akhir, Pulangan Keluar, Cukai Import

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan urus niaga yang diperolehi daripada Kedai Buku Santos.

Membayar hutang kepada Pembekal Buku Wan Dollah dengan cek RM6 800 dan menerima diskaun RM200.

Apakah kesan urus niaga tersebut kepada persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang RM6 800	Berkurang RM7 000	Bertambah RM200
B	Bertambah RM6 600	Bertambah RM6 800	Bertambah RM200
C	Bertambah RM6 800	Bertambah RM7 000	Berkurang RM200
D	Berkurang RM6 600	Berkurang RM6 800	Berkurang RM200

8. Butiran manakah yang merupakan belanja operasi perniagaan?

- A Gaji
- B Insurans peribadi
- C Faedah atas overdraf
- D Rugi jualan perabot terpakai


9. Raja Trading menggunakan sistem kod untuk membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer.

Kod Item	Pengelasan
1000 - 1999	Aset
2000 – 2999	Liabiliti
3000 – 3999	Hasil
4000 - 4999	Belanja

Nombor kod yang betul bagi Akaun Faedah Simpanan ialah

- A 1006
- B 2021
- C 3103
- D 4114

10. Aliran dokumen berikut berlaku dalam urus niaga tunai.



Apakah dokumen Z ?

- A Memo
- B Bil Tunai
- C Keratan Cek
- D Baucar Pembayaran

11. Apakah fungsi dokumen perniagaan?

- A Sebagai alat perancangan dan kawalan
- B Sebagai alat untuk menyemak ketepatan catatan lejar
- C Sebagai rujukan semasa penyediaan penyata kewangan
- D Sebagai bukti bertulis bahawa sesuatu urusan niaga telah berlaku

12. Situasi manakah yang menyebabkan penjual mengirimkan nota kredit kepada pembeli?

- I Pembeli dikenakan caj angkutan
- II Pembeli memulangkan barang niaga kerana salah jenama
- III Kuantiti barang yang diterima adalah kurang daripada kuantiti dipesan
- IV Pembeli dikenakan faedah kerana lewat membuat bayaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Perbualan berikut berlaku antara Encik Shuib dengan seorang pegawai bank.

Encik Shuib	: Cik, saya memohon untuk potongan sewa dibuat secara tetap setiap bulan.
Pegawai bank	: Tiada masalah. Pihak bank akan menghantar dokumen berkaitan setiap bulan.

Apakah dokumen perniagaan yang akan dihantar oleh pihak bank kepada Encik Shuib?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

14. Pemborong Lotus menjual 500 bungkus bebola ikan kepada Restoran Nadeer dengan harga RM6 sebungkus. Diskaun niaga yang diberi ialah 15% bagi belian kurang daripada 200 bungkus, 20% bagi belian antara 201 hingga 400 bungkus dan 25% bagi belian melebihi 400 bungkus. Hitungkan harga bersih bagi belian Restoran Nadeer.

- A RM2 250
- B RM2 400
- C RM2 550
- D RM3 000

15.

2018 Jan 6 Belian barang pada harga senarai RM8 000 Diskaun niaga : 20% Diskaun tunai : 10% 10 hari, 5% 15 hari
--

Berapakah jumlah yang perlu dibayar jika hutang dijelaskan pada 14 Januari 2018?

- A RM5 670
- B RM5 760
- C RM6 080
- D RM6 400

16. Pilih padanan yang tepat.

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A	Jurnal Belian	Invois (salinan)
B	Jurnal Jualan	Invois (asal)
C	Jurnal Pulangan Belian	Nota Debit (asal)
D	Jurnal Pulangan Jualan	Nota Kredit (Salinan)

17. Urus niaga manakah yang akan direkod dalam Jurnal Am?

- I Membeli perabot dengan cek
- II Menjual van terpakai secara kredit
- III Catatan pembukaan
- IV Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Penerimaan Tunai?

- I Pelanggan menjelaskan hutang dengan cek
- II Tunai peribadi dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan
- III Menjelaskan hutang kepada pembekal secara tunai
- IV Ambilan tunai untuk didermakan ke rumah anak-anak yatim

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19. Jurnal Jualan berikut diperoleh daripada Kedai Mama Rina pada 31 Januari 2021.

Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM
Jan 6	Abi Enterprise	1 450
19	Zan Trading	3 800
31	X	5 250

Apakah **X** ?

- A Akaun Jualan
- B Akaun Jurnal Jualan
- C Jumlah Jurnal Jualan
- D Akaun Belum Terima

20. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
					2020		RM	RM	RM
					Feb 8	Peniaga Bakar			500

Dokumen manakah yang digunakan sebagai sumber catatan bagi urus niaga tersebut?

- A Memo
- B Resit
- C Invois
- D Bil Tunai

21. Butiran manakah yang dicatat sebagai Belanja Am dalam lajur analisis di Buku Tunai Runcit?

- I Komisen jurujual
- II Belian perabot
- III Upah mencuci pejabat
- IV Sabun pencuci pinggan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22. Pilih pengelasan akaun yang betul.

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
I	Akaun Jualan	Akaun Kadar Bayaran
II	Akaun Alat Tulis	Akaun Premis
III	Akaun Tunai	Akaun Komisen Diterima
IV	Akaun Kenderaan	Akaun Angkutan Keluar

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

23. Maklumat berikut diambil daripada Kedai Runcit Azman.

Akaun Tunai			
2019	RM	2019	RM
Jan 1 Baki b/b	1 200	Jan 11 Belian	900
13 Jualan	840	20 Ambilan	400
		31 Baki h/b	?

Berapakah baki pada 31 Januari 2019?

- A RM300
 B RM740
 C RM1 300
 D RM2 040

24. Berikut adalah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi Kedai Peralatan Memancing World.

Akaun Kawalan Belum Bayar			
2020	RM	2020	RM
Jul 31 Pulangan belian	240	Jul 1 Baki b/b	1 270
Q	8 330	31 Belian	8 200
Baki h/b	<u>900</u>		
	<u>9 470</u>		<u>9 470</u>

Apakah butiran yang mungkin bagi Q ?

- I Bank
 II Faedah
 III Angkutan
 IV Diskaun Diterima
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

25. Apakah yang menyebabkan Akaun Kawalan Belum Terima berbaki kredit?

- A Perniagaan terlebih bayar kepada Akaun Belum Terima
 B Akaun Belum Terima terkurang bayar kepada perniagaan
 C Akaun Belum Terima memulangkan barang selepas hutang dijelaskan
 D Akaun Belum Terima memulangkan barang sebelum hutang dijelaskan

BAHAGIAN B : SUBJEKTIF [30 markah]

1. Nyatakan dua komponen Akaun Perdagangan. [3m]
2. Maklumat berikut merupakan jadual persamaan perakaunan Syarikat Baldu Biru.

Aset (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)	Liabiliti (RM)	Hasil (RM)	Belanja (RM)
120 000	62 000	30 000	H	6 600

Berapakah **H**? [3m]

3.

Akaun Kontra	Akaun Induk
Pulangan Masuk	X
Y	Akaun Belum Terima

Apakah **X** dan **Y**? [2m]

4. Keratan cek yang berikut diambil daripada Kedai Sara.

Tarikh : <u>12 Mac 2021</u>		
Penerima : <u>Syarikat Insurans Sejahtera</u>		
Kerana : <u>Insurans Peribadi</u>		
	Ringgit	Sen
Baki akhir	15 500	-
Dimasukkan	-	-
Jumlah	15 500	-
Cek ini	500	-
Baki	15 000	-
CIMB 123456		

- (a) Siapakah yang mengeluarkan cek tersebut? [1m]
 - (b) Jelaskan maksud urus niaga ini. [2m]
5. Dokumen apakah yang berfungsi sebagai invois tambahan? [1m]
 6.

Kedai Alat Tulis Noor membeli sebuah komputer bernilai RM2 800 secara kredit

Nyatakan dokumen sumber dan Buku Catatan Pertama yang terlibat bagi urus niaga di atas. [3m]
 7.

Ogos 22 Pemilik mengeluarkan barang niaga berjumlah RM800 untuk didermakan ke rumah orang-orang tua.

Rekodkan urus niaga di atas ke dalam Jurnal Am. [3m]

8. Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

1 Mac 2021	Jumlah penerimaan	RM250
1 Mac – 31 Mac 2021	Jumlah pembayaran	RM225
1 April 2021	Baki akhir	RM25

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut Sistem Panjar? [2m]

9. Nyatakan Buku Catatan Pertama yang menjadi sumber maklumat bagi item Akaun Kawalan Belum Terima berikut. [2m]

Item	Buku Catatan Pertama
Diskaun Diberi	(a)
Hutang Lapuk	(b)

10. Lengkapkan jadual berikut. [8m]

Urus Niaga	Dokumen Perniagaan	Jurnal Khas
(a) Menerima komisen secara tunai		
(b) Invois yang dikeluarkan kepada pembeli terkurang caj		
(c) Memulangkan barang kepada pembekal kerana salah saiz		
(d) Bayaran kepada Akaun Belum Bayar dengan cek		

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

.....
(PN.NORA BINTI RAMLI)
Guru Mata Pelajaran

.....
(EN.ABDUL HASLI BIN ABDULLAH)
GKMP Teknik & Vokasional

.....
(PN. SUHANA BINTI SAAD)
PK Pentadbiran & Kurikulum